Keharmonian penduduk Perumahan Awam (PA) Seri Perlis 2, Kampung Datuk Keramat, begitu terserlah dan menjadi simbol muafakat apabila mereka sepakat mengusahakan kebun bandar sejak 2014 sehingga hasilnya secara tidak langsung menjimatkan belanja dapur dan kini menjana pendapatan sampingan.

Tanaman seperti cili, kubis, bayam Brazil, kucai, kesum, pegaga, pudina serta banyak lagi bukan sahaja 'mengindahkan' landscape perumahan itu, malah mewujudkan komuniti petani moden atau kebun bandar di tengah kesibukan kehidupan warga ibu kota.

Tanaman subur seperti terung, daun pandan, serai, pokok cina

serta pohon mangga, memperihatkan 'kehidupan' suasana perumahan begitu menyenangkan, biarpun lokasinya terletak beberapa meter dari plaza tol dan jalan raya utama.

Projek yang pernah mendapat bimbingan jabatan pertanian itu kini mempunyai sembilan plot tanaman dengan setiap satu berkeluasan, antara 0.9 hingga 15.5 meter persegi.

Timbalan Pengerusi Kebun Bandar PA Seri Perlis 2, Norhasyimah Daud, 46, berkata baru-baru ini pihaknya menerima peruntukan di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM50,000 bagi kategori Komuniti bagi Projek Pertanian Bandar daripada Jabatan Pertanian yang disampaikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

"Kesungguhan penduduk menjayakan projek ini sekali gus mengubah imej kawasan terbiar kepada kebun bandar yang bukan sahaja menghasilkan tanaman bebas racun, tetapi memperlihatkan komitmen peserta memajukan projek secara sukarela.

"Ini secara langsung mewujudkan kebun kejiranan yang berperanan penting menjana ekonomi penduduk dan pada masa sama, mengawal impak karbon iaitu peningkatan suhu akibat pembangunan dan kedatangan penduduk kota raya tetapi menyedukkan persekitaran selesa, selamat dan harmoni.

"Ja sekali gus mewujudkan kawasan sihat dan mengubah imej negatif yang ada padanya melalui



Norhasyimah Daud

perubahan sikap masyarakatnya," katanya.

Norhasyimah berkata, selain Jabatan Pertanian, projek kebun bandar turut mendapat bimbingan kepakaran sains hortikultur Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak dua tahun lalu.

"Bimbingan itu diselia Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian, Dr Juju Nakasha yang bertongkat pengetahuan dan program pertanian dengan dibantu penuntut ijazah sarjana muda sains hortikultur," katanya yang memaklumkan hasil pertanian penduduk turut diproses sebagai produk hiliran seperti kerepek, ais krim dan makanan kering untuk dipasarkan.

Bagi ibu tunggal, Hamidah Ibrahim, 69, aktiviti berkebun mewujudkan rutin berjadual pagi dan petang yang berkualiti selain membantunya meraih pendapatan daripada jualan tanaman herba dan sayurannya.

"Sebenarnya sudah tiga tahun saya sertai projek bertani ini dengan tanaman utama bayam Brazil, kangkung dan pegaga.

Kebiasaan selepas solat Subuh saya akan turun menyiram tanaman, membaja atau menuai hasilnya. Selepas Asar pula, saya sekali lagi menyiram tanaman.

"Kebanyakan hasilnya dijual kepada penduduk sini atau dibungkus kecil-kecil sebelum dijual di Pasar Tani Masjid MIN-DEF. Hasilnya cukup untuk saya buat belanja dapur," katanya.

Ketika mula menceburi tanaman, beliau pernah berputus asa apabila tanamannya mati, disering ulat namun hasil berguru dan mempelajari teknik penanaman yang betul membantunya menyelesaikan masalahnya.

"Alhamdulillah kami di sini saling membantu dan ini menggalakkan ikatan silaturahim berbanding sebelum ini tidak berpeluang berkenalan dengan jiran tetangga berikutan masing-masing membuat hal sendiri dalam rumah," katanya.

Bagi pesara, Abdul Aziz Yahya, 60, beliau mengusahakan tanaman berbuah seperti terung, bendi, cili padi dan serai sejak dua tahun lalu.

"Dahulu tapak tanaman saya adalah tempat longgokan sampah. Namun selepas dibersihkan, kini saya mempunyai 100 rumpun serai, cili, timun dan bendi secara fertigas menggunakan beg poli hitam.

"Setiap hari hampir enam jam saya luangkan masa berkebun. Seronok apabila penat lelah berbakti pada tanah membuahkan hasil lumayan yang tidak pernah disangkakan," katanya.



Private college manager P. Manickavasagam earns up to RM8,000 for each cantaloupe harvest at his rooftop farm at Plaza Sri Muda, Shah Alam. BERNAMA PIC

Cantaloupe rooftop farm produces hefty harvest

SHAH ALAM

A PRIVATE college manager has been reaping the fruits of his labour with cantaloupes grown on the rooftop of Plaza Sri Muda here since 10 years ago.

P. Manickavasagam, 60, on Thursday said his fruits are easily grown using the hydroponic and fertigation system.

He added that they were graded "A" and did not spoil easily.

"Just a bit of know-how and technology have helped keep the farm well-maintained," he said of his 3,600 melon vines growing in a 30.5m x 61m area of the rooftop carpark in Seksyen 25 here.

He is growing 3,200 plants hydroponically in 48 6m-long pipes, and 400 plants in coco peat-filled polybags with the fertigation method.

"I set up the system using a fuse box and computer to determine the right period for fertiliser and water application.

"It consists of a 600-litre water tank filled with water and fertiliser.

"The mixture flows into the pipes every two hours for an average of six times a day," he said of his operation, which does not require human labour.

He said it took 75 days for the cantaloupes to be ready for harvest, which could earn him RM7,000 to RM8,000.

"When the cantaloupes are ripe and ready for picking, wholesalers will come to me and I'll pass them the grade 'A' fruits, which are more than 1.5kg, while the rest are sold to supermarkets.

"My farm can yield one to 1.5 tonnes of the fruit, which will be sold for about RM4 per kg." **Bernama**

Bermama

Shah Alam

Ketika kebanyakan petani mengusahakan penanaman tembikai wangi atau *rock melon* di kebun atau ladang, seorang pengurus kolej swasta memilih tempat letak kereta aras empat di sebuah plaza di sini, untuk mengusahakan tanaman itu.

Berbekalkan minat bidang pertanian selain sebagai cabang menambah pendapatan, P Manickavasagam, 60, mengusahakan kebun di Plaza Sri Muda sejak 10 tahun lepas menggunakan kaedah hidroponik dan fertigas.

Menceritakan lanjut, beliau berkata, idea penanaman *rock melon* di parkir kereta tercetus apabila beliau yang menguruskan Kolej Vis Mechatronic di plaza itu melihat tempat letak kereta kosong.

"Saya pilih aras empat (tingkat paling atas) bangunan Plaza Sri Muda in situ tempat parkir tidak berbumbung sebagai kawasan tapak rock melon."

"Saya uruskan Kolej Vis Mechatronic di aras tiga, jadi bila tengok tempat parkir ini tidak digunakan, saya sewa kawasan ini bagi mengusahakan *rock melon*," katanya.

Berbekalkan ilmu pertanian dan kemahiran teknologi, tanaman itu dapat diusahakan tanpa tanah bahkan penjagaan rock melon juga disifatkan tidak sukar atau melibatkan kos tinggi.

Bellau berkata, buah itu mudah ditanam dan dijaga. Malah hasinya bukan sahaja bergred A tetapi juga...



MANICKAVASAGAM mencipta sistem saliran air dan baja bagi memudahkan kerja mengurus kebun.



KERAP membelek tanaman untuk memastikan hasil yang berkualiti.

ROCK MELON PARKIR

Pengurus kolej jana hasil lumayan tanam tembikai wangi di bangunan konkrit di tengah-tengah Shah Alam



“
Kebun saya
ketuankn hasil buah
berged A dengan
berat lebih 1.5
kilogram
Manickavasagam

mudah rosak.

"Dengan kaedah hidroponik dan fertigas, saya tak perlu tanah atau cangkul untuk menanamnya."

"Saya belajar ilmu bertani daripada pegawai Jabatan Pertanian Klang dan hasilnya saya dapat buah bermutu," kata bapa tiga anak perempuan ini.

Manickavasagam berkata, kawasan parkir seluas 30.48 x 60.96 meter (m) itu, boleh menempatkan 3,600 pokok dan proses penanaman mengambil masa sehingga 75 hari sebelum dituai.

"Di sini ada 3,200 pokok yang ditanam secara hidroponik manakala 400 pokok lagi secara fertigas. Kaedah hidroponik menggunakan 48 batang paip dengan saiz 6.09m, manakala fertigas diisi sabut kelapa dalam polibeg," katanya.

Manickavasagam berkata, kaedah itu memudahkan dia mengurus kebunnya dengan hanya dibantu seorang pekerja Indonesia.

Katanya, beliau turut mengguna pakai sistem automasi iaitu kaedah air dan baja disatukan di dalam tangki supaya setiap pokok mendapat air dan baja secukupnya.

"Saya mencipta sistem ini sendiri dengan memasang kotak fius dan tetapan di dalam komputer waktu air dan baja perlu disalurkan. Saya guna tangki air seberat 600 liter dengan campuran baja. Setiap dua jam, air mengalir menerusi paip ke pokok. Secara purata air diairkan enam kali sehari," katanya.

Jelasnya, dengan cara itu pekerjanya tidak perlu memantau pokok setiap masa.

Katanya, dengan dua kaedah penanaman itu beliau mampu meraih pendapatan antara RM7,000 hingga RM8,000 dalam satu-satu masa, dan tanaman diusahakannya mengeluarkan buah lebih 1.5 kilogram (kg) bergred A dengan harga RM4 kepada pemborong.

"Selepas buah dipetik, kami jual kepada pemborong buah gred A, manakala selebihnya dijual kepada pasar raya," katanya.

Seven held over fatal Datuk Seri kidnapping

Foreigner also detained in S\$50mil failed abduction

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

HULU SELANGOR: The body of a Datuk Seri businessman who was kidnapped while out jogging in Bandar Sri Damansara more than two weeks ago has been found.

Police said they had detained seven men, including a Bangladeshi, over the property developer's kidnapping and death.

The suspects, aged between 30 and 50, were arrested on Friday and yesterday.

Selangor CID chief Senior Asst Comm Datuk Fadzil Ahmat said they were picked up around Selangor.

"The suspects had demanded a S\$50mil (RM154mil) ransom from the victim's family after he was kidnapped on June 10.

"The ransom has not been paid,"

he told reporters after inspecting a single-storey house where the victim was last held in Taman Kosaso, Rawang, yesterday.

Police brought the suspects to the house to help in the investigation.

One of the suspects led police to the victim's body in Jalan Rawang, Bestari Jaya, at 9am, he said yesterday.

"The suspects claimed the victim died three to four days after he was kidnapped.

"The body was already decomposing when it was discovered," he said, adding that it was sent to the Sungai Buloh Hospital for post-mortem.

Initial investigations revealed that the mastermind was known to the victim, said SAC Fadzil.

"We are still investigating the motive behind the kidnapping and the cause of death," he said.

Meanwhile, residents in Taman

Kosaso were oblivious to the fact that the kidnap victim was held at one of the houses in the area.

A woman in her 30s, who refused to be named, said she had just returned home after being in Pahang for several months due to the movement control order.

"I did not realise there was a kidnapping.

"In fact, the neighbours never interacted with my family members," she said, adding that she only learnt about the crime when she saw many police personnel near her home.

Her neighbours are believed to be the suspects.

Another resident, a man in his 50s, said a group of men had been gathering at the suspects' home lately.

"They might have been contract workers as I saw a lot of construction equipment in their yard," he said.



Essential elements: Manickavasagam with his worker Romadi, 48, at one of the watering system tanks being filled at his modest melon production plot in Shah Alam. — Bernama

Manager turns roof car park into melon farm

SHAHALAM: Inspired to branch out into farming, a private college manager has been reaping the fruits of his labour with rock melons grown on the rooftop of Plaza Sri Muda for the past 10 years ago.

P. Manickavasagam, 60, said his hydroponic and fertigation system melons were easy to grow.

"They are of grade A and do not spoil easily. I manage the Vis Mechatronic College on the third floor of Plaza Sri Muda. When I saw the open-air carpark on the fourth floor wasn't being used, I decided to rent it for growing rock melons.

"With knowledge provided by the Klang Agriculture Department and my skill, the farm is well-maintained and the yield has been good," he told Bernama of his 3,600 melon vines



Hands on: Manickavasagam keeping an eye on his produce. — Bernama

growing in a 30.5m x 61m plot. He has 3,200 plants growing hydroponically in 48 6m-long pipes and 400 plants growing in peat-filled polybags.

"I set up the automated system using a fuse box and computer to determine the fertiliser and water application times.

"The system consists of a 600l tank filled with water and fertiliser which is streamed into the pipes every two hours, six times a day," he said.

He said it would take a maximum of 75 days for the fruit to be ready for harvest and each time he could reap RM7,000 to RM8,000 in revenue.

"When the melons are ripe and ready for picking, we'll pass the grade A fruit weighing over 1.5kg to wholesalers while the rest is sold to supermarkets here.

"The plants can yield at least 1.5 tonnes of fruit which we sell at about RM4 per kg," said Manickavasagam, who has three daughters.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2020	EDISI VIRAL	ONLINE	

Halia Hitam, Manfaat Dan Khasiatnya Untuk Kesihatan

Halia hitam merupakan tumbuhan herba daripada kumpulan keluarga *Zingiberaceae* dalam *genus halia* dengan nama saintifik *Kaempferia parviflora*, dan sering disalah anggap sebagai *Kunyit Hitam* (*Curcuma caesia*) namun kedua-duanya adalah berbeza.



Rizom Halia hitam.

Halia hitam mempunyai nilai komersial yang tinggi kerana rizom (akar berisi) dan daunnya digunakan sebagai bahan bagi tujuan pengeluaran produk kesihatan, kosmetik, makanan tambahan dan perubatan.

Dari segi ciri botani, ia merupakan jenis tumbuhan dwitahunan dengan rizom di bawah tanah, berwarna hitam ungu dan kepekatan warna bergantung kepada tanah, ciri-cirinya adalah hitam ungu.

Khasiat Halia Hitam:

- Meningkatkan organ kekuatan otot.
- Diperkaya dengan antioksidan.
- Membantu rawatan resdung tahap kronik.
- Merawat alahan dan kegatalan.
- Berfungsi sebagai antigestrik atau ulser.
- Merangsang penghadaman dan dapat mengelakkan sembelit serta buasir.
- Merangsang prestasi seksual (wanita) dan menopause.
- Mencegah masalah obesiti dan diabetes.
- Membantu rawatan migrain dan sakit kepala.
- Mencegah penyakit kardiovaskular (strok dan jantung).
- Peningkatan peredaran darah.
- Agen antibarah.
- Membantu meningkatkan prestasi seksual dan tenaga fizikal.

Kajian MARDI



Kunyit Hitam (*Curcuma Caesia*) yang sering disalah anggap sebagai Halia Hitam.

Hasil kajian yang dilakukan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) juga mendapati Halia Hitam mengandungi antioksidan yang tinggi, meningkatkan tenaga manusia dan dikatakan sesuai untuk kosmetik serta bahan rawatan penyakit jantung.

Berbanding di Thailand, penghasilan produk berasaskan halia hitam di pasaran tempatan sangat terbatas berikutan kekurangan bahan tanaman itu dan hanya segelintir pengusaha yang menanamnya dalam skala yang besar.

Maka tidak hairanlah di negara gajah putih itu terdapat produk berasaskan halia hitam yang diaplikasikan dalam pelbagai bentuk makanan kesihatan tambahan selain kosmetik.

Kekurangan halia hitam di Malaysia, menyebabkan ia sangat sukar untuk diperolehi dalam kuantiti yang banyak dan menjadi faktor utama ia tidak popular seperti pokok herba lain seperti tongkat ali dan kacip fatimah.

Penanaman



Halia hitam.

Halia hitam tidak sesuai ditanam menggunakan tanah liat dan memerlukan kawasan yang redup bagi mengelak terkena cahaya matahari berlebihan.

Pokok halia hitam akan mencapai tahap matang antara 10 hingga 12 bulan dan memerlukan pemantauan rapi terutama dari segi baja serta air.


Halia hitam jika ditanam secara komersial, ia boleh membawa pulangan lumayan kepada pengusaha bukan saja untuk pasaran tempatan, malah luar negara.

Semoga memberi manfaat.

BACA INI JUGA:

- [Khasiat Serai Dan Halia Untuk Kesihatan Usus](#)
- [Khasiat Kunyit Hitam Memulih Kesihatan Tubuh Dan Mencegah Penyakit](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2020	METRO AHAD	XPRESI	27



AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Produk pertanian organik memberi jaminan sumber makanan bebas kimia dan selamat menerusi ekosistem yang lestari sehingga ia mendapat permintaan tinggi dalam kalangan masyarakat.

Memfokuskan kepada pengeluaran hasilnya yang berkualiti dan tidak menggunakan sebarang input kimia, produk organik biasanya berharga dua atau tiga kali lebih tinggi berbanding produk

konvensional.

Pengeluaran di Malaysia menyumbang 30 peratus produk makanan organik dan negara kita mengimport 70 peratus bekalan makanan organik disebabkan jumlah ladang mahupun petani yang mengusahakan pertanian organik itu.

Menurut Timbalan Pengarah Program Perladangan Organik Pusat Penyelidikan Sains Tanah, Air dan Baja Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Theeba Manickam, ketika ini hanya 230 ladang yang menerima pensijilan organik dengan keluasan sekitar

2021 hektar.

Jumlah itu, kata Theeba, terlalu kecil dan dengan peningkatan bilangan ladang yang rendah setiap rahun berbanding negara jiran, untuk menampung permintaan produk organik dalam negara.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-12, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyasarkan peningkatan yang signifikan bagi ladang pensijilan myOrganik menampung permintaan terhadap produk itu demi memenuhi keperluan dalam negara.

> 28



KAEDAH lebih lestari berbanding penggunaan racun perasak.

SISTEM BERSEPADU KAEDAH TERBAIK

Minimumkan masalah perosak, rumpai dan kebergantungan 'input' pertanian dari luar

DARI MUKA 27

"Isu utama pertanian organik di Malaysia adalah produktiviti hasil tanaman organik yang masih rendah dan kurang lestari disebabkan sistem pengurusan ladang serta tanaman yang kurang cekap.

"Selain itu, kos pengeluaran ladang organik juga tinggi disebabkan kebergantungan terhadap tenaga buruh dan input pertanian organik yang mahal seperti baja bioorganik dan biopestisida dari pasaran tempatan selain diimport dari negara luar.

"Serangan perosak dan penyakit pada tanaman berpunca daripada faktor cuaca tidak menentu dan pengurusan perosak serta penyakit kurang cekap antara masalah utama menyumbang kepada pengeluaran hasil yang rendah," katanya.

Cabaran utamanya adalah membantu meningkatkan pengeluaran dan kualiti hasil tanaman organik serta menjadi pusat rujukan teknikal untuk perladangan secara organik membolehkan 'survival' petani tempatan dalam 'genre' pertanian berkenaan.

"Pusat Penyelidikan Sains Tanah, Air dan Baja Mardi menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian organik mendapati sistem perladangan organik bersepadu antara terbaik.

"Bersepadu dalam erti lain kami menyarankan penggunaan kaedah integrasi dengan pelbagai komponen sektor industri ini iaitu ternakan, tanaman pelbagai jenis dan agroekologi memastikan pengeluaran hasil yang optimum.

"Ia juga meminimumkan masalah perosak, rumpai dan kebergantungan 'input' pertanian dari luar. Pengurusan sisa sifar juga membantu dan mengurangkan kos input ladang," katanya.

Sebagai contoh, Theeba berkata, ternakan seperti kambing dan ayam membantu kepada penghasilan baja organik untuk tanaman di samping menjadi pendapatan tambahan kepada petani.

Sementara itu, tanaman seperti serai dan selasih menghalang kehadiran



KUBIS tanaman yang mempunyai permintaan tinggi.

serangga perosak kepada tanaman lain selain kewujudan kelulut membantu pendebungaan untuk galakkan tanaman buah.

Bagaimanapun, kata Theeba, aspek mengenai pilihan tanaman dilihat keutamaannya dalam penyelidikan. Malah pihaknya melihat tanaman bernilai tinggi seperti kubis tanah rendah dan cili sebagai fokus berdasarkan permintaan tinggi dalam pasaran selain dilihat membantu petani tanam organik meraih pendapatan sampingan yang setimpal.

"Terkini kami sedang menjalankan kajian untuk pengeluaran cili secara organik sama ada ladang terbuka atau sistem tertutup (pelindung hujan) bagi melihat kaedah mana yang terbaik untuk mengeluarkan hasil berkualiti.

"Tanaman cili, tomato dan kubis organik mempunyai permintaan yang tinggi tapi pengeluaran hasil dalam negara masih sangat rendah. Sayur-sayuran ini mempunyai cabaran yang tinggi dari segi pengurusan perosak dan penyakit khususnya apabila ditanam secara organik serta di tanah rendah.

"Jadi apa yang kami lakukan ialah amalkan sistem tana manja selingan



MADU kelulut juga terdapat dalam ladang organik bersepadu Mardi.



SERAI ditanam bagi membantu menghalau serangga perosak sekah hasilnya boleh dituai.



Tanaman cili, tomato dan kubis organik mempunyai permintaan yang tinggi tapi pengeluaran hasil dalam negara masih sangat rendah

THEEBA



TERNAKAN kambing penting dalam penghasilan kompos atau baja untuk tanaman kerana sisa najisnya.

dengan tanaman serai, sayuran berdaun dan bunga untuk menghalang serangga perosak yang sering mengancam tanaman," katanya.

Bagi kawalan penyakit pula, produk biofungisida teknologi Mardi dibangunkan dan digunakan bersama produk biopestisida yang lain. Selain itu, produk baja bioorganik teknologi Mardi digunakan untuk membekalkan nutrien yang diperlukan bagi pengeluaran hasil optimum.

Mengenai pensijilan myOrganik, kata Theeba, ia di bawah Jabatan Pertanian bagi mengiktiraf hasil produk mencapai spesifikasi ditetapkan selayaknya bagi produk organik. Bonus buat petani, hasil pertanian mudah dikenali dan dapat bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa.

"Galakan kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan membantu petani dengan memberi perkhidmatan bagi mendapatkan pensijilan myOrganik yang memberi nilai tinggi kepada hasil jualan produk petani berkenaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

PSM kritik menteri pertanian berhubung lantikan dalam MPPN



Parti Sosialis Malaysia (PSM) mengkritik Menteri Pertanian dan Industri Makanan Ronald Kiang berhubung lantikan Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang tidak mempunyai latar belakang daripada golongan pesawah, petani, nelayan dan penternak.

Sebaliknya, Ahli Jawatankuasa Parti Sosialis Malaysia (PSM) Sharan Raj, menyifatkan pelantikan itu hanya melibatkan kapitalis, pengimport makanan dan orang tengah.

"Malah, ramai ahli akademik yang dilantik ke dalam MPPN tidak terlibat atau memiliki realiti tentang sektor pertanian negara," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

sebagai ahli MPPN bagi sesi 2020-2021.

Terdahulu, ahli parlimen dari Umno, Imohizam Ibrahim dilantik

Beliau merupakan antara 12 lantikan baru MPPN yang dilantik dari kementerian tersebut.

Raj berkata, lantikan itu juga menunjukkan bahawa kerajaan gagal untuk memastikan kedaulatan makanan negara akan berterusan kerana tiada pemahaman realiti mengenai industri pertanian dari segi perspektif penghasil makanan.

"Malaysia telah hilang kedaulatan makanan kerana Putrajaya melantik individu bersifat elitis yang membuat polisi pertanian yang sangat teruk.

"Sewajarnya, MPPN dianggotai oleh golongan penghasil makan seperti pesawah, petani, nelayan dan penternak untuk merangka polisi yang inklusif untuk memperkasakan sektor pertanian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Mana wakil petani, penternak dalam lantikan MPPN



Barisan ahli MPPN yang baharu dilantik.

KUALA LUMPUR – Parti Sosialis Malaysia (PSM) kesal dengan lantikan Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang didakwa tidak melibatkan pesawah, petani, nelayan dan penternak.

Ahli Jawatankuasa Pusatnya, Sharan Raj berkata, Menteri Pertanian dan Industri Makanan seharusnya melantik wakil daripada golongan pesawah, petani, nelayan dan penternak yang sedang bertungkus-lumus menghasilkan stok makanan negara berbanding memilih kapitalis, pengimport makanan dan orang tengah yang tidak terlibat dalam sektor asas pertanian negara.

Malah, katanya, kebanyakan ahli akademik yang dilantik ke dalam MPPN tidak terlibat atau memiliki realiti tentang sektor

pertanian negara.

"Hampir 40 tahun, polisi pertanian Kerajaan Persekutuan telah gagal memastikan kedaulatan makanan negara sehingga import makanan mencecah lebih RM50 bilion setahun.

Artikel berkaitan: [12 dilantik Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara](#)

"Malaysia telah hilang kedaulatan makanan kerana Putrajaya melantik individu bersifat elitis yang membuat polisi pertanian yang sangat teruk," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Sewajarnya, MPPN dianggotai oleh golongan penghasil makan seperti pesawah, petani, nelayan dan penternak untuk merangka polisi yang inklusif untuk memperkasakan sektor pertanian.

Katanya, kegagalan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kedaulatan makanan negara akan berterusan tanpa pemahaman realiti pertanian daripada perspektif penghasilan makanan. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2020	OH SEMPUT	ONLINE	

Lantik petani, nelayan ahli MPPN — Sharan Raj

27 JUN — Parti Sosialis Malaysia (PSM) amat kesal dengan lantikan Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang tidak melibatkan pesawah, petani, nelayan dan penternak.

Menteri Pertanian seharusnya melantik wakil daripada golongan pesawah, petani, nelayan dan penternak yang sedang bertungkus-lumus menghasilkan stok makanan negara.

Namun, Menteri Pertanian melantik kapitalis, pengimport makanan dan orang tengah yang tidak terlibat dalam sektor asas pertanian negara.

Malah, ramai ahli akademik yang dilantik ke dalam MPPN tidak terlibat atau memiliki realiti tentang sektor pertanian negara.

Hampir 40 tahun, polisi pertanian kerajaan persekutuan gagal memastikan kedaulatan makanan negara sehingga import makanan mencecah lebih RM50 bilion setahun.

Malaysia sudah hilang kedaulatan makanan kerana Putrajaya melantik individu bersifat elitis yang membuat polisi pertanian yang sangat teruk.

Sewajarnya, MPPN dianggotai oleh golongan penghasil makan seperti pesawah, petani, nelayan dan penternak untuk merangka polisi yang inklusif untuk memperkasakan sektor pertanian.

Kegagalan kerajaan persekutuan untuk memastikan kedaulatan makanan negara akan berterusan tanpa pemahaman realiti pertanian daripada perspektif penghasil makan.